

**Najib, Modi rasmi Gerbang Torana lambang persahabatan
Malaysian Insider
Nov 23, 2015**

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan rakan sejawatannya dari India, Narendra Modi hari ini merasmikan Gerbang Torana di "Little India", Brickfields untuk melambangkan persahabatan antara negara.

Gerbang Torana merupakan hadiah daripada kerajaan India kepada rakyat Malaysia sebagai tanda persahabatan berterusan antara 2 negara dan ia diumumkan perdana menteri terdahulu, Dr Manmohan Singh ketika melakukan lawatan rasmi ke Malaysia pada Oktober 2010.

Najib dalam ucapannya berkata Gerbang Torana itu melakar satu lagi detik penting dalam sejarah hubungan baik antara Malaysia dan India yang terjalin sekian lama.

Beliau berkata ia juga memberi isyarat kerjasama rapat dan dimensi baharu dalam hubungan rakyat dengan rakyat antara kedua negara.

"Sebagai sahabat yang terikat dengan hubungan sejarah, Malaysia dan India terus berusaha untuk menjadikan hubungan antara 2 negara dan rakyat kita lebih mendalam dan kuat," katanya sebelum merasmikan Gerbang Torana.

Najib berkata pintu gerbang itu juga menawarkan budaya yang kaya dan sejarah India, 1 daripada tamadun tertua dan unggul di dunia.

Beliau yakin Gerbang Torana yang reka bentuknya sama seperti "Great Stupa" di Sanchi, India akan menjadi tarikan pelancong di Kuala Lumpur.

Najib berkata negara menerima jumlah pelancong yang besar dari India sejak beberapa tahun dan mengalukan kedatangan lebih ramai lagi pelancong dari negara itu.

"Malaysia bukan sahaja mesra perniagaan tetapi juga mesra pengunjung, dan saya yakin pelancong dari India akan berasa seperti berada di rumah sendiri di sini," katanya.

Najib turut menyampaikan penghargaannya kepada pakar dan pasukan dari kedua-dua negara dalam memastikan kejayaan pembinaan Gerbang Torana, yang mana seni bina yang indah dan pertukangan yang halus pasti akan menjadikan gerbang itu mercu tanda baru Kuala Lumpur. – Bernama, 23 November, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-modi-rasmi-gerbang-torana-lambang-persahabatan>